

21/02/1998

Tidak lalui Masjid Ar-Rahman

JOHOR BAHRU, Jumaat - Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pembinaan lebuh raya bertol Kerinchi Link yang menimbulkan bantahan sekarang, tidak akan melalui kawasan Masjid Ar-Rahman dan bangunan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM).

Menurutnya, laluan asal lebuh raya enam laluan itu dipinda selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pendidikan, membuat kajian semula.

"Pindaan ini bermakna kita tidak akan membina lebuh raya itu di antara masjid dan Fakulti Undang-Undang," katanya kepada pemberita selepas meletakkan batu asas pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Tebrau, di sini hari ini.

Cadangan pembinaan Kerinchi Link bernilai RM1.3 bilion yang turut mengandungi plaza tol sembilan lorong itu, adalah sebahagian daripada Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint).

Mengikut pelan asal, lebuh raya itu bermula dari Lebuhraya Persekutuan melalui persimpangan bertingkat Kampung Kerinchi, merentasi kawasan di antara Masjid Ar-Rahman dan bangunan baru Fakulti Undang-Undang UM dan seterusnya di pinggir kawasan UM/Bukit Pantai menuju ke Jalan Bukit Kiara.

Samy Vellu membidas akhbar yang kononnya tidak melaporkan dengan tepat kenyataannya berhubung isu itu hingga menimbulkan pelbagai reaksi.

"Janganlah baca berita yang dapat dari surat khabar saja kerana bukannya semua surat khabar melaporkan dengan tepat apa yang saya kata. Apa yang saya kata ialah ada permintaan daripada universiti dan beberapa pihak untuk meminda aliran sedia ada atau yang telah ditetapkan.

"Saya juga kata kita boleh pinda tetapi kita tidak boleh batal (pembinaan lebuhraya bertol Kerinchi Link). Inilah (pihak akhbar) tidak faham apa yang saya cakap. Itu bukan salah saya," katanya.

(END)